



Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)

KENYATAAN TENDER

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :

PERKHIDMATAN PENYEWAAN 19 UNIT MESIN PENYALIN BERWARNA DIGITAL DAN BACAAN METER DI IBU PEJABAT PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA

NO. TENDER	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT TENDER	HARGA SENASKAH DOKUMEN (RM)	TARIKH TUTUP TENDER
CAAM/T 002/2025	221502	TIADA	TIADA	RM0.00	17/04/2025 (Khamis) (sebelum 12:00 tengah hari)

2. Tawaran in dilaksanakan melalui atas talian (*online*). Oleh itu pembekal **DIWAJIBKAN** membuat pendaftaran syarikat melalui laman web <https://speed2u.my> sebelum menyertai tawaran ini. Sekiranya terdapat pertanyaan mengenai pendaftaran ini, sila hubungi pusat khidmat pelanggan SPEED di talian 03-78854111 atau emel kepada helpdesk@speed2u.my.
3. Pembekal perlu mendapatkan Nombor Pin daripada CAAM dengan mengisi borang permohonan *online* melalui pautan di bawah sebelum pembekal dapat mengakses sistem dan memuat turun dokumen Tender. No. Pin boleh diperolehi dengan mengemukakan bukti bayaran (sekiranya berkaitan). Sebarang bayaran dokumen tender boleh dibuat secara **ATAS TALIAN (BANK IN) (3811340215-PUBLIC ISLAMIC BANK)** atas nama **Civil Authority Aviation of Malaysia (CAAM)**. Wang ini tidak akan dikembalikan. **Satu (1) pembekal hanya dibenarkan mendapatkan satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja.**
4. Pembekal-pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih **sah** tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan mendapatkan dokumen.
- i) **SIJIL PENDAFTARAN SYARIKAT (SSM)**
ii) **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
5. Pembekal dikehendaki memuat turun semua dokumen tender melalui web <https://www.speed2u.my> selagi tempoh tender masih berkuatkuasa. Pembekal dikehendaki mengemukakan dokumen tender secara atas talian (*online*) sebelum atau pada tarikh dan masa tutup.
6. **Jika sekiranya, tender melibatkan sesi taklimat, pembekal yang berminat DIWAJIBKAN menghadiri taklimat tender seperti alamat di atas. WAKIL SYARIKAT adalah TIDAK DIBENARKAN untuk menghadiri taklimat/ lawatan tapak tender. Hanya PEMILIK SYARIKAT / PENAMA YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dengan mengemukakan KAD PENGENALAN dan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat tender tidak ditandatangani oleh Pegawai CAAM.**
7. **Semua kos berkaitan dengan Tawaran di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.**
8. **CAAM** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **CAAM** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
9. Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima dan ditolak.
10. Setiap kontraktor/pembekal hendaklah berdaftar dengan SPEED dan memilih pasaran CAAM sebelum mendapatkan dokumen tender.
11. Pembekal hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi akan dikenakan Fi perkhidmatan sebanyak 0.4% bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM4,800.00 bagi kontrak yang melibatkan beberapa pembayaran (*multiple payment*) ATAU 0.8% bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM9,600 bagi perolehan yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) bagi setiap transaksi bayaran yang bernilai RM1.2 juta atau lebih.
12. Sebarang pertanyaan perlu dikemukakan kepada Urus Setia perolehan melalui emel unit.perolehan@caam.gov.my atau hubungi talian 03-88714137/4120/4033/4287.
13. **PEMBEKAL PERLU MEMBUAT PENDAFTARAN NO.PIN UNTUK MENYERTAI TENDER DI PAUTAN <https://forms.gle/2wBvwTVw5JJytxmb9>**

14. HARGA INDIKATIF/ANGGARAN JABATAN DAN TEMPOH PENYIAPAN/KONTRAK
1. HARGA INDIKATIF
 - 1.1 Harga Anggaran/Indikatif Jabatan bagi perolehan ini adalah RM970,596.00.
 - 1.2 Harga Anggaran/Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Pihak Berkuasa atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.
 - 1.3 Pihak Berkuasa tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Anggaran/Indikatif Jabatan.
 2. TEMPOH KONTRAK
 - 2.1 Pihak Berkuasa akan mengikat suatu kontrak dengan Pembekal yang berjaya dalam sebut harga ini untuk tempoh perkhidmatan selama 36 bulan.